

# Dagangan Malaysia catat lebih RM2 trillion tiga tahun berturut-turut

**Merosot 7.3 peratus berbanding 2022 akibat pelbagai faktor globalisasi**

Oleh Mahanun Abdul Aziz  
mahanun\_aziz@bhc.com.my

**Perdagangan** Malaysia pada 2023 melepas aras RM2 trillion bagi tiga tahun berturut-turut berjumlah RM2.637 trillion meskipun berdepan dengan landskap ekonomi global yang tidak menentu.

Jumlah dicatatkan itu, bagaimanapun merosot 7.3 peratus berbanding 2022, sejajar dengan pengurangan permintaan global, harga komoditi lebih rendah,

ketegangan geopolitik berpanjangan, kadar inflasi tinggi, penurunan dalam kitaran semikonduktor dunia serta kesan asas yang tinggi direkodkan pada tahun lalu.

Eksport terus melebihi aras RM1 trillion untuk tahun ketiga berturut-turut dan mencapai 82.4 peratus daripada unjuran yang ditetapkan bagi 2025 di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) meskipun jumlahnya menguncup laju peratus kepada RM1.426 trillion pada 2023.

Sementara itu, import bagi 2023 mencatat satu lagi pencapaian baharu dengan melepas aras RM1 trillion untuk kali kedua, namun pengurangan sebanyak 6.4 peratus kepada RM1.212 trillion berbanding 2022.

Malaysia mengekalkan lebihan dagangan yang ke-26 tahun berturut-turut sejak 1998, bernilai RM214.1 bilion.

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) berkata, landskap ekonomi global yang mencabar pada 2023 telah memberi kesan kepada perdagangan antarabangsa termasuk prestasi perdagangan Malaysia yang mencatatkan pengurangan.

"Ini dilihat selari dengan rakan dagang utama yang lain seperti China, Taiwan, Korea dan Indonesia yang turut mencatatkan pertumbuhan perdagangan negatif," katanya dalam satu kenyataan.

Pada 2023, rakan dagang utama Malaysia adalah ASEAN, China, Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah (EU) dan Jepun yang mewakili 67.7 peratus syar daripada jumlah perdagangan Malaysia.

## Rekod kenaikan eksport

Walaupun prestasi eksport dicatat lemah pada 2023, kenaikan eksport ketara direkodkan ke

beberapa pasaran baharu seperti Kenya, Brazil, Nigeria, Tanzania, Yaman, Maghribi, Puerto Rico, Namibia dan Kyrgyzstan.

Eksport ke beberapa pasaran Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) turut merekodkan pertumbuhan terutamanya ke Republik Korea (ROK), Australia, Mexico, Turkiye dan New Zealand meskipun eksport keseluruhan ke negara rakan dagang FTA menyusut.

Di samping pemuliharaan perdagangan global, FTA, khususnya Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dijangka akan memperluaskan lagi prospek positif bagi perdagangan luar Malaysia.

Dalam masa yang sama, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) turut memberi penekanan kepada peningkatan dalam penggunaan FTA dalam

kalangan pengekspor Malaysia.

Eksport Malaysia pada 2023 di dominasi oleh barang elektrik dan elektronik (E&E) yang merangkumi 40.4 peratus bahagian daripada jumlah eksport, merekodkan pengurangan berbanding tahun sebelumnya.

Meskipun kitaran sektor semikonduktor dunia mengalami penurunan, eksport negara bagi peranti semikonduktor dan litar bersepadu elektronik (IC) meningkat.

Mengorak langkah ke hadapan, kerajaan akan terus memperkasakan aktiviti promosi perdagangan antarabangsa agar dapat memperkuatkannya lagi di bawah perniagaan seterusnya mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi.

Ia akan turut disokong inisiatif oleh di bawah Kajian Separuh Penggal RMK12, Pelan Tindakan Perdagangan Nasional (NTBp) dan NIMP 2030.

